

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 9 Julai 2020 12:49 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Discover UUM Pukau Pengerusi Dan Ahli LPU UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 JULAI 2020 / 17 ZULKAEDAH 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Muhammad Shamsul Shafie

DISCOVER UUM PUKAU PENERUSI DAN AHLI LPU UUM



UUM ONLINE: Keindahan kampus UUM yang dilengkapi pelbagai kemudahan dan infrastruktur telah memukau Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) yang mengadakan lawatan kerja ke UUM selama dua hari, baru-baru ini.

Lawatan kerja Pengerusi LPU, Tan Sri Dr. Mohd Shukor ke UUM merupakan yang pertama selepas dilantik pada 5 Julai lalu.

Ketibaan Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar bersama Dato' Bazlan Osman, Dato' Wan Shaharuddin Wan Mahmood dan Khairul Azwan Harun disambut mesra oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan pengurusan universiti di Anjung Tamu, sebuah gerbang informasi ibarat hentian Rehat dan Rawat (RnR).

Pengarah UUM Corporate Communication, Rasidah Rodzi memberikan taklimat tentang UUM yang pesat membangun sejak 36 tahun lalu berbanding dahulunya dikenali sebagai markas komunis. Turut diterangkan mengenai khazanah alam semulajadi flora dan fauna, pokok Sintok berusia ratusan tahun yang banyak khasiat serta fasiliti terbaik yang menggamit jutaan pengunjung dari dalam dan luar negara.

Menelusuri kampus hijau ini dengan menaiki trem, delegasi LPU dibawa menjengah Galeri UUM yang memaparkan sejarah penubuhan universiti ini, sejarah kepimpinan barisan Naib Canselor UUM dan aktiviti berimpak tinggi serta kejayaan UUM di persada negara dan dunia.

Selain itu, Pengerusi dan Ahli LPU melawat U-Assist yang merupakan pusat sehenti (one stop centre) yang menyediakan perkhidmatan profesional dan semua urusan pelajar dapat diselesaikan di satu tempat. Di situ, taklimat ringkas telah disampaikan Pengarah U-Assist, Dr. Azizi Ab Aziz.

LPU juga berkesempatan menjejaskan kaki ke Muzium Pengurusan UUM yang berkonsepkan pengurusan yang mendokumentasi khazanah ilmu dan sejarah disajikan dengan keunikan warisan, kepelbagaian budaya, cara hidup dan artifak menerusi sesi penerangan oleh Ketua Pustakawan, Salleh Hudin Mustaffa, diikuti Pengarah Muzium Pengurusan UUM, Dr. Mohd. Kasri Saidon.

Mengakhiri Discover UUM, Pengerusi dan Ahli LPU bersantai menikmati buah-buahan tempatan hasil dari dusun UUM yang disediakan di Kelab Golf dan Rekreasi UUM sambil menikmati panorama hijau yang terbentang luas saujana mata memandang.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.